

Mahathir: Minyak mungkin naik sebelum Raya

KUALA LUMPUR, Khamis — Orang ramai mungkin mengalami kenaikan harga yang lebih tinggi bagi petrol dan hasil-hasil berkaitan sebelum menjelang Hari Raya.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang membayangkan demikian hari ini berkata, dengan kenaikan harga minyak mentah Kerajaan mungkin tidak dapat memberikan subsidi yang lebih besar pada minyak.

"Buat masa ini sahaja Kerajaan membelanjakan \$640 juta dalam bentuk subsidi," katanya.

Beliau memberitahu pemberita

demikian selepas dikunjungi oleh Ketua Pembangkang Australia, En-cik William G. Hyden, di pejabatnya di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata, Kerajaan sedang berusaha menyelesaikan secepat mungkin kajiannya terhadap permohonan oleh syarikat-syarikat minyak supaya dinaikkan harga bahan itu.

Apabila ditanya sama ada harga baru itu akan diumumkan sebelum Hari Raya beliau berkata: "Mungkin begitulah," tambahnya.